

Objek budaya sakral pengubatan *ambiak* dalam amalan ritual masyarakat Murut Paluan

Jacqueline Karimon, Yusmilayati Yunos

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu,
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Yusmilayati Yunos (email: yusmila@ukm.edu.my)

Received: 20 September 2024; Accepted: 3 November 2025; Published: 20 November 2025

Abstrak

Pengubatan *ambiak* merupakan satu bentuk kaedah rawatan tradisional masyarakat Murut Paluan yang melibatkan ritual, jampi, ramuan herba dan alat tertentu bagi tujuan penyembuhan fizikal serta spiritual. Pengubatan *ambiak* tergolong dalam pengubatan alternatif yang mencerminkan kearifah tempatan. Ia merujuk kepada pengetahuan, amalan dan nilai budaya yang terbentuk hasil daripada pengalaman masyarakat setempat yang menyesuaikan diri dengan alam sekitar. Sebagai sebuah masyarakat yang mempunyai latar belakang kebudayaan yang kompleks, pengubatan tradisional ini menjadi amalan kepercayaan komuniti Murut Paluan di Sabah sehingga kini. Kajian ini bertujuan mengenal pasti jenis dan fungsi objek budaya sakral dalam ritual pengubatan *ambiak* masyarakat Murut Paluan. Kajian ini berorientasikan kajian lapangan dengan menggunakan pendekatan etnografi untuk meneliti proses pengubatan komuniti ini. Pendekatan etnografi digunakan untuk memahami makna, simbol dan fungsi pengubatan *ambiak* secara mendalam. Kaedah analisis data menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual, pemerhatian lapangan dan analisis dokumen. Dapatan kajian ini menunjukkan kepercayaan warisan yang mengandungi kepercayaan animisme mempengaruhi ritual *ambiak*. Terdapat sebanyak 21 objek budaya sakral yang digunakan dalam ritual ini dan kebanyakannya bersumberkan alam semula jadi. Ritual yang dilaksanakan perlu mengikut tatatertib dan peringkat yang ditetapkan oleh *Babalian*. Penyediaan objek budaya sakral dalam ritual perlulah lengkap dan dalam keadaan baik agar komunikasi dengan alam ghaib dapat dijalankan dengan berkesan. Masyarakat Murut Paluan percaya melalui penggunaan peralatan secara teratur, berhati-hati dan berperingkat mampu memberikan kesan pengubatan yang maksimum kepada pesakit. Oleh itu, kajian ini dapat menyediakan wadah pengetahuan baru mengenai signifikan penyediaan objek budaya sakral dalam pengubatan *ambiak* yang bersumberkan alam binatang dan tumbuhan. Nilai tradisi ini perlu dilestarikan kerana faktor keutuhan institusi *babalian* yang masih wujud dan berfungsi sehingga ke hari ini.

Kata kunci: *Babalian*, Murut Paluan, objek budaya sakral, pengubatan *ambiak*, ritual

Ambiak medicine tools in ritual practice Murut Paluan community

Abstract

Ambiak treatment is a form of traditional treatment methods of the Murut Paluan community that involves rituals, spells, herbs and certain tools for the purpose of physical and spiritual healing. Ambiak medicine belongs to alternative medicine that reflects local wisdom. It refers to cultural knowledge, practices and values that are formed as a result of rather than the experiences of local communities adapting to the surrounding nature. As a community with a complex cultural background, this traditional medicine has become the belief practice of the Murut Paluan community in Sabah until now. This study aims to know exactly the types and functions of sacred cultural objects in the medicinal rituals of the Murut Paluan community. This study was field study oriented by using an ethnographic approach to examine the healing process of this community. An ethnographic approach was used to understand the meanings, symbols and functions of adoptive medicine in depth. Data analysis methods used a qualitative approach through interviews, field observations and document analysis. The findings of this study suggest inherited beliefs containing animist beliefs influence adoption rituals. There are as many as 21 sacred cultural objects used in this ritual and most of them are naturally sourced. The rituals performed need to follow the rules and ranks set by Babalian. The provision of sacred cultural objects in ritual needs to be complete and in good order so that communication with the supernatural can be carried out effectively. Murut Paluan Society believes through the regular, careful and ranked use of equipment is able to give the maximum treatment impression to the patient. Therefore, this study can provide a new vessel of knowledge regarding the significance of the provision of sacred culture ojek in animal and plant nature-sourced amak medicine. The value of this tradition needs to be preserved because of the integrity factor of the babalian institution that still exists and functions to this day.

Keywords: Babalian, Murut Paluan, sacred cultural objects, medicine ambiaik, ritual

Pengenalan

Negeri Sabah mempunyai pelbagai latar belakang penduduk yang memaparkan kepercayaan dan adat resam yang berbeza. Setiap kelompok kumpulan etnik seperti Dusun, Murut, Cina, Melayu dan Bajau terdiri daripada kelompok-kelompok kecil yang merupakan cantuman beberapa kumpulan sub etnik lainnya. Sub etnik ini pula memiliki dialek dan adat serta budaya dan etos (*world view*) tersendiri yang berlainan di antara satu sama lain. Masyarakat Murut Paluan di Sabah merupakan kelompok sub etnik yang masih memegang kuat adat dan tradisi dalam kelompok etniknya. Sistem budaya, sosial dan politik masyarakat subetnik Murut Paluan adalah lebih banyak dikawal oleh adat dan pantang larang yang berasaskan kepercayaan lama. Adat secara tradisi ini merupakan unsur-unsur kepercayaan yang dikongsi bersama dalam kalangan masyarakatnya sebagai panduan untuk mengelakkan masyarakat tersebut diancam oleh malapetaka dan memulihkan diri daripada pelbagai penyakit. Pada abad ke-21 masa kini, budaya dan kepercayaan warisan masih lagi dijadikan sebagai representasi identiti kepada generasinya dalam membentuk sosiabudaya yang penuh tradisi.

Amalan kepercayaan tradisi yang masih diamalkan dan terus hidup antaranya pengubatan tradisional. Pengubatan tradisional dijadikan sebagai rawatan alternatif yang penting kerana

murah, bahan perubatan yang mudah diperolehi dan mendapat kepercayaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Perubatan alternatif yang paling terkenal dalam kalangan masyarakat Murut Paluan ialah pengubatan tradisional *ambiak*. Pengubatan *ambiak* merupakan rawatan yang dijalankan secara ritual untuk mengubati penyakit seperti penyakit yang berkaitan dengan semangat dan jiwa seseorang. Pengubatan kepercayaan warisan ini mengandungi ritual untuk memulihkan penyakit seseorang seperti gila dan menghadapi kemalangan-kemalangan yang tidak disengajakan (Ganiem, 2015).

Ritual pengubatan *ambiak* memerlukan upacara dan ritual yang terancang dan teratur untuk memastikan keberkesanan rawatannya. Selain itu, setiap langkah dan proses tersebut merupakan medium untuk memanggil dan menghalau semangat baik untuk memohon bantuan. Di sebalik amalan yang masih menebal dengan kepercayaan warisan, adat dan pantang larang, masyarakat Murut tidak terlepas daripada menerima kesan kemajuaan dan keupayaan teknologi sebagai satu agen perubahan setiap penduduk yang tinggal di bandar dan luar Bandar. Namun itu tidak bermakna dunia moden boleh melenyapkan tradisi yang dipegang kuat oleh pengamal perubatan tradisi di Sabah. Sehingga pada hari ini adat kepercayaan dan budaya penduduk etnik Murut Paluan di Sabah masih lagi mengamalkan pengubatan tradisional *ambiak* walaupun perubatan moden telah sampai di bahagian pedalaman Sabah (Mike, 2016).

Murut Paluan

Suku kaum Murut adalah salah satu etnik pribumi di Sabah dan merupakan etnik kedua terbesar dan tertua di negeri tersebut. Masyarakat Murut terdiri daripada 12 pecahan sub etnik, antaranya ialah Murut Tahol, Murut Timugon, Murut Nabai dan Murut Paluan (Karimon & Md Razi, 2020). Menurut Wooley (1936), asal usul istilah Murut diberikan oleh orang-orang Brunei serta pengkaji Barat. Istilah ini digunapakai secara meluas dan umum bagi merujuk kepada kaum Murut yang terdiri daripada pecahan sub etnik yang pelbagai. Majoriti masyarakat Murut Paluan mendiami daerah Nabawan, di bahagian selatan negeri Sabah. Mengikut tradisi kependudukan masyarakat pribumi di Sabah, masyarakat Murut menetap di sepanjang sistem sungai dan di kawasan pedalaman Sabah. Istilah ‘Murut tanah tinggi’ digunakan untuk merujuk kepada masyarakat Murut yang mendiami kawasan bukit dan kaki gunung (Salleh & Abdullah, 2022).

Terdapat dua rumpun terbesar dalam masyarakat Murut. Pertama, Murut yang mendiami kawasan dataran tanah rendah, dan kedua Murut yang mendiami dataran tanah tinggi. Murut kawasan dataran tanah rendah diklasifikasikan kepada Timugon, Nabai, dan Baukan manakala Murut dataran tanah tinggi ialah Tahol, Paluan, Dalit, Sepulot, Semambu, Alumbis, Kolod dan Salalir (Appel, 1989). Menurut pembahagian yang telah dilakukan oleh Rutter (1922), Murut yang dikategorikan mendiami kawasan tanah rendah adalah yang tinggal di kawasan tanah rata Keningau. Golongan etnik Murut yang terbesar mendiami kawasan tanah tinggi di bahagian pedalaman Sabah. Golongan ini juga mempunyai pecahan yang besar, kumpulan pertama yang terbesar adalah sub etnik Murut Paluan yang mendiami kawasan tanah tinggi berhampiran dengan pinggir Sungai Padas di Tenom dan mereka telah berkembang sehingga menghala ke timur berhampiran kawasan lembah sungai Dalit di sempadan Sook dan berkembang ke barat berhampiran di Sipitang dan Tenom. Kumpulan kedua etnik Murut yang terbesar mendiami kawasan tanah tinggi di Sabah ialah Murut Dalit yang juga dikenali atau dipanggil sebagai “orang bukit”. Mereka telah menduduki kawasan Dalit dan Sook serta berkembang ke sungai Penawan Nabawan.

Selain itu, kumpulan ketiga adalah merupakan kumpulan yang paling terbesar. Mereka merupakan etnik Murut yang dikenali sebagai Murut Rundum. Murut Rundum telah menduduki kawasan yang berhampiran dengan Sungai Tagol dan telah berkembang ke Utara Rundum. Kawasan ini juga diduduki oleh Murut Tagol yang telah berpindah dari sekitar Sungai Tagol dan menduduki kawasan Bole, Kembong, Tenom dan Tomani. Pecahan ketiga dari golongan etnik yang mendiami kawasan tanah tinggi di Sabah ialah Murut Kolod yang dikatakan tinggal di kawasan sempadan dan mempunyai bilangan yang agak sedikit dan tinggal di kawasan Bole. Keempat adalah Murut Sepulut yang menduduki kawasan tanah tinggi di kawasan selatan Sook hingga menghala ke sungai Sepulut dan yang kelima ialah Murut Pensiangan yang menduduki kawasan Sepulut dan berkembang hingga di sempadan tenggara Serudong dan Sungai Kalabakan.

Beberapa perbezaan yang boleh dilihat untuk membezakan Murut di Sabah dengan Murut Sarawak. Prentice (1972) menyatakan bahawa Murut di Sabah mempunyai perbezaan budaya dan bahasa dengan Murut Sarawak. Masyarakat Murut di Sarawak dilihat lebih maju dari aspek pertanian. Amalan pertanian yang mereka jalankan adalah menanam padi huma (padi bukit), mereka telah membajak dengan menggunakan kerbau manakala Murut di Sabah tidak menggunakan cara pertanian seperti ini. Perbezaan ini telah digunakan untuk membezakan etnik Murut yang terdapat di Sabah dan di Sarawak.

Etnik Murut juga ialah penutur salah satu daripada tiga rumpun bahasa di Sabah yang terawal di Sabah (Kntayya Mariappan & Paul Porodong, 2012). Status etnik dan pengiktirafan ini menjadikan Murut sebagai penduduk asal utama di Sabah selain daripada rumpun penutur Dusunik dan Paitanik. Ibrahim (2007) mengatakan bahawa etnik Murut merupakan etnik yang terawal mendiami Kepulauan Borneo. Pendapat beliau ini berasaskan kepada penulis-penulis barat yang banyak bersandarkan kepada masyarakat Murut. Kebudayaan dan tradisi yang diamalkan oleh etnik Murut di negeri Sabah adalah tidak sama atau seragam mengikut sub etnik kerana amalan bahasa dan adat yang berbeza. Dalam tulisan Kitingan (2012), Spitzack telah menemui sekurang-kurangnya terdapat 12 kumpulan utama Murut di Sabah yang mempunyai bahasa dan beberapa dialek mereka yang tersendiri seperti seperti Tahol/Tagol, Timugon, Paluan, Dalit, Baukan, Nabai, Gana, Selungai, Sembakung, Serudong, Lun dan Rundum.

Istilah nama “Murut” mendapat beberapa pandangan daripada pengkaji barat. Menurut Woolley (1962) perkataan Murut berasal daripada sebutan Brunei yang bermaksud “orang bukit”. Ini disebabkan kumpulan masyarakat ini selalunya tinggal di tanah tinggi dan menjalankan aktiviti sosial dan ekonomi mereka di kawasan tersebut. Perkataan Murut digunakan oleh sebutan Brunei bagi merujuk panggilan kepada kumpulan berlainan yang menetap di bahagian pedalaman Selatan Sabah, Sarawak dan Kalimantan. Terdapat juga pandangan tokoh barat lain mengenai istilah panggilan “Murut” bagi kumpulan ini. Perkataan “Murut” adalah daripada bahasa Lun Bawang yang membawa maksud bukit, iaitu merujuk kepada sebuah bukit yang didiami oleh sekumpulan manusia dan bukit tersebut dinamakan Gunung Murud. Perkataan “Murut” bagi Pollard (1935) adalah berasal daripada bahasa Murut iaitu *pulut* yang membawa maksud berian perkahwinan. Istilah *pulut* ini juga dikatakan mempunyai persamaan bagi kumpulan Murut di Sarawak iaitu Kelabit, mereka juga menggunakan perkataan pulut bagi hantaran berian perkahwinan. Terdapat juga pendapat istilah “Murut” juga menurut beberapa pengkaji etimologi berasal daripada perkataan “*belud*” atau bukit dalam bahasa Bajau (Rutter, 1992).

Murut Paluan merupakan sub etnik daripada etnik Murut yang mendiami kawasan Pedalaman Sabah. Menurut Rutter (1922), suku kaum Murut Paluan merupakan golongan yang besar mendiami kawasan tanah tinggi di Sabah berhampiran Sungai Padas di Tenom berkembang ke timur kawasan lembah Sungai Dalit di Sempadan Sook dan seterusnya ke barat berhampiran

Sipitang. Suku kaum Murut Paluan di kawasan-kawasan ini semakin bertambah dan berhijrah ke kawasan lain. Murut Paluan yang terus berkembang terus menduduki kawasan Sungai Penawan dan Sungai Nabawan. Terdapat dua kumpulan Murut yang tinggal di daerah ini iaitu Murut Paluan dan Murut Tahol. Memandangkan kajian yang masih terhad mengenai Murut Paluan.

Sorotan kajian

Kajian terhadap pengubatan tradisional masyarakat Murut di Sabah merupakan perkara yang masih baharu. Beberapa idea penulisan mengenai perubatan tradisional menemukan pelbagai paparan hidup masyarakat yang memengang kepercayaan animisme yang bersandar kepada peranan bomoh, dukun dan pawang. Terdapat kajian mengenai pengubatan tradisional dalam masyarakat Dusun yang mempunyai peranan dan kaitan hampir sama dengan *babalian* dalam konteks Murut Paluan di Sabah. Cara hidup yang hampir sama dan pemikiran yang banyak berkisar mengenai politesime iaitu pemujaan unsur-unsur semula jadi yang perlu dipuja dengan pengorbanan dan penyembahan. Kebiasaan upacara diiringi dengan bacaan mantera yang hampir sama diamalkan oleh perubatan lain di semua tempat khususnya dalam konteks alam Melayu.

Antaranya, Hanafi (2003) mengkaji peranan Bombohizan dalam kalangan Masyarakat Kadazan Daerah Penampang Sabah membincangkan mengenai peranan *Bombohizan* dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Penampang. Hasil kajian beliau menyatakan bahawa Bombohizan merupakan pengantara atau *spirit medium* juga dipanggil sebagai *Shaman* yang satu ketika dahulu sangat dihormati dan disanjung. Penghormatan ini adalah kerana Bomboizan mempunyai hubungan yang istimewa terhadap semangat alam gahib. Masyarakat Kadazan mempercayai bahawa alam *Supernatural* hanya boleh ditembusi oleh Bombohizan.

Kajian lain yang dijalankan oleh Hanafi (2006) menghuraikan bahawa perubatan ritual yang dijalankan oleh masyarakat ini memerlukan perkakasan seperti gendang, sompopogunan dan tarian sumazau untuk melengkapkan acara persembahan monogit. Hubungan budaya ekspresif dengan identiti khususnya seni persembahan masyarakat Kadazan Penampang amat kuat. Persembahan ini mempunyai strukturnya yang khusus dengan setiap perlakuan dalam ritual mempunyai fungsi dan maknanya. Paluan gendang dan sompopogunan sebagai tanda isyarat, penghubung, memberitahu dan menjemput semangat untuk menyertai ritual iaitu tanpanya ritual tidak lengkap.

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Deenerwan (2014), yang menumpukan kajian penuh ke atas *babalian*, beliau cuba menyedarkan pembaca mengenai perbuatan pemujaan mempunyai kaitan dengan seni teater dan kegiatan ritual. Kajian ini hampir sama yang dijalankan oleh Masrin (2011) mengenai pengubatan tradisional *baturun*. Beliau membincangkan ritual *baturun* dari suku kaum Bisaya di Sabah mengandungi unsur-unsur persembahan seperti seni lakon, seni tari dan seni muzik adat dan paling rapat dengan puisi tradisional Kadazandusun. Perbincangan yang ditekankan oleh pengkaji ialah puisi tradisional masyarakat ini berkait rapat dengan upacara dan adat yang dijalankan.

“Kepercayaan Magis di Kalangan Kaum Melanau” (1980) tulisan Ab. Rahman pula menjelaskan orang Melanau mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap makhluk halus. Mereka mengaitkan suatu peristiwa dalam kehidupan dengan makhluk halus. Semua penyakit dipercayai disebabkan oleh makhluk halus ini dijeniskan berdasarkan tempat tinggal maka terdapatlah hantu air, hantu hutan dan hantu darat. Kajian ini mendapati bahawa kepercayaan terhadap makhluk halus hampir sama dalam konteks kepercayaan Murut Paluan di Sabah.

Sorotan kajian lepas menunjukkan terdapat kelompangan terhadap kajian pengubatan tradisional bagi etnik di Sabah. Kepelbagaian etnik di kawasan berkenaan membuka ruang yang besar dalam pelbagai bidang kajian khususnya kaedah rawatan *ambiak* yang menjadi pilihan etnik Murut dalam merawat penyakit spiritual. Kajian yang adalah sedemikian wajar dilakukan dan didokumentasikan kerana ia menjadi warisan dan khazanah yang berharga kepada negara. Kajian lepas mengenai amalan perubatan tradisional kaum atau etnik memudahkan pembaca memahami tujuan kajian yang dijalankan pengkaji sebelum ini. Hal ini disebabkan terdapat persamaan mengenai kepercayaan dan hubungan manusia dengan alam semula jadi. Oleh itu pendekatan etnografi mampu membantu dalam penyediaan bahan sekaligus menyingkap rahsia dan tujuan masyarakat Murut mengamalkan perubatan *ambiak*. Penulisan ini bertujuan memberikan pengetahuan kepada masyarakat mengenai keistimewaan pengubatan *ambiak*.

Metodologi dan kawasan kajian

Penulisan ini merupakan kajian kes dan berorientasikan kajian lapangan dan disokong oleh kajian perpustakaan. Kajian ini juga berorientasikan pendekatan etnografi dengan tumpuan khusus terhadap budaya dan amalan suatu masyarakat di kawasan kajian. Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian kes yang melibatkan pemerhatian ikut serta yang memerlukan masa lebih kurang tiga bulan untuk melengkapkan kajian ini. Pemerhati ikut serta bertujuan melihat kaedah pengubatan yang dilakukan terhadap pesakit. Teknik penelitian digunakan sebagai langkah memulakan analisis untuk memahami proses pengubatan yang dilakukan oleh informan

Temu bual di lapangan dilakukan bagi mendokumentasi atau mengumpul data mengenai maklumat yang disampaikan oleh informan. Usaha ini untuk memahami makna di sebalik suatu perlakuan dan percakapan informan. Beberapa perkara asas yang penting akan dititik beratkan seperti mendapatkan latar belakang informan. Bentuk temu bual yang digunakan adalah “berstruktur” dan “tidak berstruktur”. Bahasa yang digunakan dalam temu bual ini adalah bahasa Murut Paluan kerana penulis utama makalah ini mampu menguasai dan memahami bahasa ini.

Selanjutnya, pendekatan etnografi (*ethnographic studies*) digunakan bagi menginterpretasikan budaya, kelompok sosial atau sistem dalam sebuah masyarakat. Maklumat ini diperolehi secara nyata dan perlakuan individu tertentu yang telah diamati kemudian dirakamkan secara bergambar dan bersuara melalui peralatan digital dan elektronik. Penggunaan alat rakaman seperti alat perakam suara, cekera padat dan telefon bimbit berkamera digunakan sebagai instrumen yang memudahkan kajian dan membantu kecekapan merakam suara dan tindakan informan. Penggunaan teknologi ini bertujuan melancarkan proses mendokumentasi agar hasil yang ada tidak mudah rosak, jelas dan mempunyai kualiti suara dan imej yang diperlukan untuk melancarkan kajian. Teknik pemerhatian boleh dilakukan berulang kali dengan adanya rakaman ini.

Kajian kepustakaan dilakukan bagi menyokong penulisan ini. Maklumat yang digunakan merupakan kajian lepas yang mempunyai persamaan bidang dan maklumat yang dikaji. Bahan-bahan berupa buku, artikel jurnal, tesis dan bahan berkaitan yang diperolehi di perpustakaan digunakan bagi menyokong data dan bukti daripada lapangan. Bahan sekunder ini berupaya menjadikan penulisan ini lebih bermakna.

Penulisan ini berfokus kepada bidang pengubatan tradisional sepenuhnya. Dalam konteks kajian ini, perbincangan hanya dibataskan kepada perubatan tradisional *ambiak* masyarakat Murut Paluan sahaja. Bidang perubatan merupakan sebahagian daripada kebudayaan yang diwarisi oleh

Murut Paluan di Sabah. Ketua *babalian* menjadi keutamaan mendapatkan maklumat memandangkan beliau lebih berpengalaman dan berperanan penting dalam bidang ini.

Dapatan kajian dan perbincangan

Perubatan *ambiak* bermaksud ‘menghidupkan’ merupakan salah satu upacara ritual pengubatan tradisional yang sangat dikenali oleh subetnik Murut Paluan di Sabah. *Ambiak* atau menghidupkan adalah perkataan yang mengandungi makna sebagai memberi kehidupan kembali kepada pesakit. Upacara ritual ini dilakukan bagi memanggil roh dan semangat pesakit untuk kembali ke jasad pesakit. Skeat (1900), Wilkinson (1901) dan Cuisinier (1951) antara pengkaji yang memperkatakan tentang semangat. Wilkinson (1901) menyatakan bahawa semangat merupakan kehidupan fizikal, daya hidup atau jiwa (nyawa), nafas hidup. Beliau menyatakan bahawa nyawa sebagai jiwa kehidupan iaitu roh. Cuisinier menentang dengan tegas kenyataan Wilkinson ini dan menyatakan bahawa nyawa ialah nafas dan kehidupan dan bukan semangat. Jika memperkatakan mengenai semangat dalam konteks ini kenyataan Annandale dan Robinson (1903) adalah yang tepat iaitu semangat merupakan menurut petani di Patani ialah jiwa yang hadir dalam semua hal yang teratur, membimbing dan mengatur tindakan mereka. Semangat ini hadir dalam diri manusia, haiwan dan tumbuhan. Pengubatan tradisional ini telah diwarisi oleh subetnik Paluan daripada nenek moyang yang terdahulu dengan permulaan Mitos. Kepakaran dan kemahiran yang dipelajari untuk mengendalikan upacara pengubatan tradisional ini memerlukan tempoh masa yang agak lama dan panjang. Warisan ritual ini masih tidak dapat dialihkan daripada kehadiran teknologi baru dan moden. Justeru, identiti subetnik Murut Paluan terus dikekalkan dan teguh kerana perubatan tradisional *ambiak* yang masih diamalkan.

Objek budaya sakral yang digunakan dalam pengubatan *ambiak* merupakan gabungan unsur-unsur alam yang sangat penting. Tanpa adanya objek budaya ini upacara *ambiak* tidak dapat dijalankan dan elemen-elemen ritual yang dilakukan tidak akan lengkap serta menuju pada kemuncaknya. Setiap amalan dan penggunaan objek budaya menunjukkan berlakunya hubungan di antara alam nyata dan alam ghaib. Hubungan ini penting untuk menjelaskan dan menyelesaikan krisis yang telah bermula dan berkembang sepanjang pengubatan ini telah dilaksanakan. Setiap objek budaya yang digunakan akan memberikan huraian yang jelas kepentingannya dan hubungannya dengan pengubatan. Nama objek budaya juga mempunyai hubungan mengapa digunakan dalam upacara ritual pengubatan *ambiak* (Ganiam, 2015).

Setiap objek budaya dalam pengubatan *ambiak* akan dipilih berdasarkan keadaan dan sifatnya yang sempurna dan tidak rosak. Hal ini demikian dipercayai objek budaya yang sempurna akan menentukan kelancaran upacara yang sempurna dan tidak lompong atau hilang elemen ritualnya. Objek budaya yang digunakan dianggap sakral dan berkuasa semasa *babalian* mula membacakan mantera. Sehubungan itu, memijak, melangkah dan memperlakukan objek budaya secara tidak sopan dan hormat adalah sangat ditegah. *Babalian* beranggapan bahawa jika salah satu objek budaya yang digunakan hilang atau tidak dapat dicari bagi tujuan pengubatan, maka upacara *ambiak* tidak dapat diteruskan dan terpaksa dibatalkan. Setiap kegagalan mencari objek budaya *ambiak* memberi petanda yang tidak baik dan akan mendatangkan keburukan terhadap keadaan pesakit atau keluarga tersebut. Hal ini adalah sama ketika objek budaya ini digunakan semasa berlangsungnya upacara *ambiak*, jika objek budaya yang digunakan didapati rosak, patah atau putus maka *babalian* mentafsirkan bahawa perkara tidak baik akan menyusul. Perkara tidak baik ini diuraikan seperti kematian disebabkan tidak terjadi kesembuhan, sakit yang berterusan

dan malapetaka yang akan menyusul. Semasa ritual *ambiak* berlangsung terdapat sebanyak 21 objek budaya digunakan bagi menyempurnakan proses pengubatan tersebut. Objek budaya tersebut dibincangkan lebih lanjut dalam sub topik di bawah ini (Mike, 2016).

Sayon

Sayon merupakan peralatan terpenting yang dibawa oleh setiap orang *Babalian*. *Sayon* adalah sejenis bakul yang mempunyai tali dan dimasukkan ke dalam lengan agar boleh digantungkan dibelakang *Babalian* apabila sedang melakukan pengubatan *ambiak*. Alat sikutan ini diperbuat daripada rotan. *Sayon* merupakan lambang kuasa dan magis seorang *Babalian* dan menjadi identiti pengenalan diri seorang *Babalian* yang pakar dan mahir. Levi-Strauss (1997) menerangkan bahawa, magis merupakan satu struktur teknik untuk mempengaruhi hal-hal ghaib dan kekuatan-kekuatan *supernatural* secara langsung. Tidak semua *Babalian* subetnik Paluan mempunyai *sayon*, luar *sayon* terdapatnya kulit *burunsi* (siput laut) yang digosok pada permukaannya untuk menjadi rata sebelum disulam pada *sayon*. Menurut *Babalian Aru Ganiem* (2016), salah seorang *Babalian* yang mempunyai kebolehan dan kemahiran dalam bidang pengubatan *ambiak* bahawa bilangan siput tersebut juga menentukan pangkat, pengalaman dan kebolehan seorang *Babalian*. Oleh itu, empat penyimpanan barang-barang *Babalian* ini sangat dijaga tempat letaknya kerana bimbang akan dilangkah dan dipegang secara tidak sengaja dan ini boleh membawa kepada *akasangor* (keteguran) yang boleh menyebabkan sakit kepala, demam, muntah-muntah dan secara tiba-tiba jatuh sakit. Semasa pembukaan tirai perubatan *ambiak*, *sayon* akan diletakkan ditengah-tengah bersama pesakit sebagai pengenalan diri kepada semangat-semangat yang sedang bersama-sama *Babalian*. Jika *sayon* dibuka itu memberikan petanda bahawa upacara pengubatan telah dimulakan manakala jika *sayon* ditutup pada hari terakhir maka upacara telah tamat dan bermulanya penguatkuasaan pantang. *Babalian* akan membacakan beberapa mantera untuk menghalau roh-roh yang masih berada bersama pesakit. Antara peralatan yang diletakkan dalam *sayon* ini ialah *tutubik*, *turuan*, *babatu*, *nangkatupal/imbubulou*, *kalimbono* (sejenis tumbuhan mengeluarkan bau dan tumbuh di kawasan becak), *pampulihan* (Mangkuk Putih). Namun tidak semua *Babalian* memiliki semua peralatan di atas hanya *tutubik* dan *turuan* sahaja pada lazimnya mereka miliki. Selain itu, tidak semua *Babalian* juga memiliki *sayon* kecuali mereka yang benar-benar terlatih dan berjaya melalui ujian menjadi seorang *Babalian* selama betahun-tahun.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 1. *Sayon* dan pemiliknya *Babalian Aru Ganiem*

Tutubik

Tutubik merupakan peralatan yang wajib diletakkan pada *sayon* dan merupakan perkakasan *babalian* yang melengkapkan. Objek budaya ini merupakan benda yang dipegang oleh *babalian* dan digoyang-goyangkan untuk mendapatkan bunyi. *Tutubik* merupakan Objek budaya yang boleh mengeluarkan bunyi yang dipercayai mampu menghalau dan memanggil semangat. Jika diperhatikan dengan teliti pemegangnya diperbuat daripada kulit kura-kura gergasi (*suyan*) yang dipercayai boleh membesar untuk mengangkat manusia. Setiap gugus tulang yang terdapat pada alat ini adalah tulang binatang yang dipilih berdasarkan nama. Berikut adalah gambar *tutubik* yang digunakan oleh *babalian* untuk memanggil semangat.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 2. *Tutubik* merupakan alat yang digunakan oleh *Babalian* dan mengeluarkan bunyi untuk menghalau dan memanggil semangat

Misalnya nama binatang *baulun* (burung merak hutan) yang mempunyai suara yang kuat, nyaring dan merdu. Setiap tulang-tulang tersebut diletakkan kepingan besi atau tembaga lama yang akan mengeluarkan bunyi. Bunyi tersebut berfungsi sebagai penghubung dan pemisah semangat semasa upacara pengubatan *ambiak* dijalankan. Setiap kali *tutubik* digunakan bunyi yang kuat dan daripada pergerakan tangan yang cepat akan diiringi dengan suara kedengaran “*iru-iru*” yang bermaksud “pergi-pergi”. Perkataan ini untuk menghalau dan ditujukan kepada semangat yang tidak baik atau jahat (*Babalian Aru Ganiem & Karimon Lumaing, 2016*).

Turunan

Turunan merupakan Objek budaya yang diletakkan di dalam *sayon* sebagai salah satu peralatan yang penting bagi seorang *Babalian*. *Turunan* (gambar 3) digunakan untuk menyimpan “batu hikmat” atau dikenali sebagai *babatu* yang kecil-kecil dan *kalimbongo Babalian*. Alat ini diperbuat daripada batang buluh. Namun buluh yang digunakan bukanlah jenis buluh sembarangan yang terdapat di bahagian tanah rata atau tebing sungai. Buluh yang digunakan didapatkan daripada sejenis buluh yang dipanggil *kawar* (singkatan kepada *awar* iaitu dalam bahasa Murut panjang). Jenis buluh ini cuma tumbuh dan didapati di bahagian bukit. Sub etnik Murut Paluan percaya berdasarkan nama buluh *kawar* tersebut maka orang yang diubati akan panjang umur dan boleh disembuhkan. *Babalian* boleh juga menggunakan *turunan* dalam pengubatan *ambutus* dengan meletakkan cebisan-cebisan tumbuhan *kalimbongo* kering ke dalamnya dan memusing-musingkan bahagian pangkal dan hujung *turunan* secara berlawanan agar *kalimbongo* jatuh ke badan pesakit.

Turunan juga digunakan untuk *pirin* (diusap-usapkan) ke badan pesakit bagi tujuan membuang penyakit. (*Babalian Aru Ganiem*, 2016).



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 3. *Turunan* diperbuat daripada buluh bukit

Babatu (Batu)

Babatu merupakan batuan yang diberikan secara ajaib atau tanpa disedari oleh *Babalian*. Pemberian ini boleh saja berlaku dalam mimpi dan semasa melalui peristiwa pelik serta semasa sedang sakit tenat. Semua peristiwa tersebut dianggap sebagai petanda kepada *Babalian* untuk menjadi seorang *Babalian* dan dipilih mendapat gelaran *Babalian*. Gambar di bawah menunjukkan gambar *babatu* yang digunakan semasa proses pengubatan *ambiak*.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 4. *Babatu* digunakan semasa selepas fasa *ampulih ra alingu*

Sebaliknya, tidak semua *babalian* memiliki pemberian tersebut. *Babalian* yang memiliki *babatu* biasanya mereka yang dianggap mempunyai kebolehan yang lebih tinggi untuk mengubati pesakit. Mereka mempunyai kebolehan mengubat lain seperti melakukan pengubatan *animbu* dan *ambutus*. Oleh kerana itu, beberapa fasa perubatan *ambiak* hanya dapat dikendalikan oleh seorang *Babalian* sahaja terutama semasa selepas *ampulih ra alingu* terdapat fasa paling akhir iaitu *animbu*, hanya *Babalian* yang mahir sahaja akan mengendalikannya. Biasanya saiz *babatu* yang

dimiliki oleh *Babalian* berainan saiz. Babatu ini dipercayai mampu mengeluarkan bunyi dan buih semasa berada di dalam air untuk memberi petanda tertentu kepada *Babalian* tentang keadaan pesakit (*Babalian Aru Ganiem*, 2016).

Nangkatupal / Imbubulou

Nangkatupal/Imbubulou merupakan manik (gambar 5) yang telah ditusuk dan menjadi seutas manik yang panjang. Manik ini berfungsi sebagai *pembayaan* (laluhan) kepada penyakit ke dalam takungan air di sebuah bekas khas. Peralatan ini digunakan semasa proses mengubat pesakit pada fasa terakhir iaitu *animbu*. Segala kotoran, benda atau objek asing yang telah melalui *nangkatupal* boleh dilihat dalam takungan air selepas proses *animbu* dijalankan. Alat ini juga pelengkap yang digunakan oleh ketua *Babalian* bersama dengan *babatu* (Ganiem, 2016).



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 5. *Nangkatupal / Imbubulou*

Kalimbongo

Kalimbongo ialah sejenis tumbuhan yang mengeluarkan bau wangi yang tumbuh di kawasan becak seperti paya. Subetnik Murut Paluan percaya bau yang dikeluarkan oleh tumbuhan ini sangat ditakuti hantu. *Kalimbongo* merupakan tumbuhan yang dikeringkan isinya untuk disimpan lebih lama dalam *sayon* dan boleh digunakan pada bila-bila masa sahaja. Suatu ketika dahulu *kalimbongo* dijadikan sebagai rantai dan tangkal oleh subetnik Murut Paluan untuk menghindari diri mereka daripada semangat-semangat yang jahat (Ganiem, 2016).



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 6. *Kalimbongo* merupakan tumbuhan yang mengeluarkan bau yang dipercayai mampu menghalau semangat-semangat atau makhluk yang tidak baik

Menurut mitos Murut Paluan tumbuhan seperti kalimbongo (Gambar 6) merupakan tumbuhan yang digunakan para dewa-dewi untuk dijadikan sebagai tangkal. Tumbuhan ini merupakan tanaman yang banyak ditanam untuk menghalau makhluk jahat. Terdapat peringkat dalam pengubatan ambiak sejenis tumbuhan yang dikenali sebagai kalimbongo akan diusap-usap pada badan pesakit, proses ini dikenali sebagai *amir ra kalimbongo*. Tumbuhan ini dipercayai dapat mengesan penyakit pesakit dan sebagai persediaan untuk mengeluarkan penyakit yang disebabkan oleh penyakit secara spiritual (Karimon & Mohd. Radzi, 2021a).

Pampulihan (Mangkuk putih)

Ganiam (2016) menjelaskan pampulihan (mangkuk putih seperti dalam gambar 7) ialah sejenis mangkuk putih yang lama dan dimiliki oleh ketua *Babalian*. Air akan diletakkan di dalam mangkuk putih ini kemudian dibacakan mantra tertentu untuk melihat roh pesakit serta memanggil rohnya kembali. Semasa proses pempulihan dijalankan mangkuk putih ini akan dibaluti dengan kain merah. Seorang *Babalian* boleh melihat roh atau semangat pesakit semasa melalui air yang terdapat dalam mangkuk.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 7. *Pampulihan* (Mangkuk putih)

Salong (Damar)

Salong (Damar) ialah sejenis getah damar yang melekat pada kayu buruk. Sifatnya adalah keras, jernih seperti kaca dan tidak ubah seperti plastik jernih. Damar adalah bahan bersifat pepejal dan boleh melebur dalam api serta menjadi melekit apabila melebur. Damar juga merupakan bahan-bahan terpenting dalam mengubati pesakit. Sebelum perubatan *ambiak* dilakukan beberapa orang yang mahir mencari damar akan pergi ke hutan untuk mendapatkan sejumlah damar dalam bentuk ketulan. Kemudian ketulan-ketulan damar tersebut akan dihancurkan menggunakan lesung kayu menjadi halus. Damar digunakan semasa bambu dibakar dengan api. Taburan damai yang ditabur pada api akan membuatkan api menjadi besar. Nyalaan api yang besar dan marak adalah untuk menakutkan roh-roh jahat. Bau damar juga dipercayai amat ditakuti oleh hantu dan dijadikan sebagai penghalau hantu (*Babalian Aru Ganiem*, 2016).

Bambu / Buluh kering

Buluh kering merupakan antara peralatan yang wajib digunakan dari mula dan berakhirnya proses pengubatan *ambiak* dijalankan. Buluh kering ini juga akan dijadikan sebagai tempat untuk menyalakan api dan dijadikan sebagai perkakasan untuk mendapatkan bunyinya yang bertujuan berhubung dengan roh-roh dan memudahkan proses mengusir roh jahat berlaku semasa peringkat terakhir pengubatan *ambiak*. Berikut merupakan gambar buluh kering yang digunakan dalam pengubatan *ambiak*.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 8. Bambu / Buluh kering

Nyalaan api pada bambu atau buluh akan menakutkan roh-roh yang datang. Arena Wati (1974) mendedahkan masyarakat Kadazandusun juga memasang api selagi mayat masih di rumah dan tidak boleh unggun api itu terpadam dan perlu dijaga. Peralatan ini selalunya akan digunakan sebagai persediaan sepanjang proses pengubatan *ambiak*. Jika *Babalian* ternampak makhluk-makhluk jahat datang secara tiba-tiba kerana mengancam pesakit maka buluh ini akan dinyalakan serta merta bersama-sama dengan damar diikuti dengan *Babalian* lain mengoyang-goyangkan *tutubik* mereka bagi memberikan kesan yang maksimum untuk melawan dan menghalau makhluk jahat tadi.

Manuk (Ayam)

Ayam merupakan salah satu binatang yang digunakan dalam upacara perubatan *ambiak*. Ayam seperti dalam gambar 9 akan digunakan semasa proses *angangkap* (melibas-libas ayam untuk mengeluarkan penyakit). Kuku ayam akan dipotong sedikit bagi mendapatkan darah ayam tersebut kemudian ditandakan dibahagian badan pesakit seperti dada, dahi dan belakang pesakit sebagai tanda kepada kesembuhan. Pada penghujung upacara *ambiak* ayam jantan digunakan untuk dijadikan sebagai korban dan pesakit akan dimandikan darah ayam tersebut untuk memberi petanda bahawa pengubatan *ambiak* tersebut adalah sah dan dijalankan secara serius. Darah ayam digunakan untuk mengeluarkan penyakit yang terdapat ditubuh pesakit (Mike, 2016).



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 9. *Manuk (Ayam)*

Bagi mereka yang tiada kena mengena dengan pengubatan *ambiak* ini jika terkena darah ayam tersebut besar kemungkinan mereka juga boleh sembuh. Biasanya ayam ini akan dimakan oleh kumpulan *babalian* sesudah habisnya upacara *Ambiak*. Orang biasa, pesakit dan binatang dilarang memakan tinggalan isi atau tulang ayam yang telah dimasak kerana dikhuatiri semangat- semangat jahat yang telah pergi akan kembali ke badan pesakit.

Pusob (Pinang)

Pusob atau pinang merupakan bahan yang tidak kurang pentingnya dalam proses pengubatan *ambiak*. Bunga pinang yang masih dalam kelopakny akan diambil dan diusap dari atas ke bawah secara perlahan-lahan dan dibacakan mantra sambil bernyanyi. Bunga pinang seperti dalam gambar 10 ini digunakan untuk melihat keadaan pesakit sama ada boleh disembuhkan atau sebaliknya.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 10. *Pusob (Pinang)*

Batang kayu kakat

Batang kayu kakat merupakan sejenis pokok yang mempunyai daun yang diatasnya hijau dan pada bahagian bawah berwarna putih. Berdasarkan sifat-sifat daun ini maka sub etnik Paluan percaya bahawa segala penyakit boleh disembuhkan. Perkataan kakat juga merupakan singkatan bahasa Murut *mingkakat* yang bermaksud berdiri. Perkataan kakat dipercayai boleh membuatkan semua penyakit akan bangun dan lari dan memudah *babalian* membuat pengusiran.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 11. Batang kayu kakat

Batang kayu pulias / Mamban

Tumbuhan yang dinamakan *pulias* atau *mamban* selalunya digunakan untuk membuat peralatan kraftangan termasuk bubuh. Batangnya yang berwarna hijau dan halus serta kecil digunakan untuk menyembuhkan penyakit dan mempunyai fungsi yang hampir sama dengan batang kakat. Berdasarkan kepada nama batang kayu lias yang bermaksud berselerak atau bertempiaran. Signifikan kepada nama ini memberikan maksud bahawa hantu akan berlari bertempiaran apabila kayu ini ditujukan kepada pesakit.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 12. Batang lias

Buluh hidup

Buluh hidup (gambar 13) merupakan objek budaya yang penting dalam upacara ini terutama pada bahagian selepas memandikan pesakit. Buluh akan dibakar dan akan dipukul kuat untuk mendapatkan letupan sebagai cara untuk mengeluarkan semua semangat jahat dari tubuh pesakit.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 13. Buluh hidup

Jika buluh yang telah dibakar meletup bermakna penyakit gila tersebut telah disingkirkan dari tubuh pesakit. Semasa memanaskan buluh seorang yang pakar untuk mengagak kepanasan buluh akan dipilih agar buluh boleh diletupkan dan berbunyi.

Bunga dolok

Bunga dolok merupakan tumbuhan yang mempunyai daun yang memanjang dan berwarna kemerah-merahan. Daun ini digunakan sebagai petanda bahawa upacara ritual *ambiak* sedang dijalankan. Daun ini juga dipercayai mampu menghalau *mangkisam* (hantu) roh jahat. Berikut adalah *bunga dolok* yang digunakan dalam proses pengubatan *ambiak*.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 14. Bunga dolok

Sagumau (Serai)

Serai merupakan ubat atau herba biasa yang digunakan untuk memandikan pesakit supaya badan pesakit boleh melawan penyakit. Bahan ini dijadikan sebagai “pelepas”.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 15. Serai

Saging

Digunakan untuk membuang sakot (sampah) yang digunakan oleh *Babalian* dalam upacara ini. Sampah sarap seperti daun layu dan bunga yang jatuh perlu dipungut dan diletakkan di dalam saging untuk mengelakkan penyakit tersebar ke merata tempat.

Parang dan Bujak

Parang panjang dan bujak yang digunakan semasa upacara *ambiak* bertujuan untuk menakut-nakutkan semangat spiritual yang tidak baik. *Babalian* mempercayai bahawa semangat-semangat jahat sangat takut kepada benda tajam. Namun orang biasa yang memegang parang dan bujak tersebut tidak akan dipercayai oleh semangat jahat melainkan hanya *Babalian* saja yang mampu ditakuti semangat-semangat jahat tersebut. Justeru, parang ini tidak boleh diletakkan dimerata-rata tempat dikhwatiri *Babalian* tidak dapat mencarinya dan tidak dapat mengusir semangat jahat tersebut.

Gong

Gong digunakan pada akhir upacara pengubatan *Babalian* kerana merupakan sejenis peralatan muzik yang sangat terkenal dalam kaangan etnik Murut sebagai alat menghantar mesej dan pemberitahuan terhadap perkara-perkara penting seperti mesyuarat, kematian, perkahwinan dan acara besar. Misalnya pada masa ada kematian berlaku gong akan di palu sebanyak tiga kali dan diikuti dengan paluan cepat untuk menghantar mesej kepada seluruh penduduk kampung bahawa ada kematian. Dalam upacara ini gong (gambar 16) digunakan sebagai mesej bahawa semua makhluk berlarian lari dan sedang bersembunyi ketakutan.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 16. Gong

Peranan gong sangat signifikan dalam masyarakat Murut. Saidatul Nornis Hj. Mahali (2010) Masyarakat Murut Tahol mempunyai teknik untuk menyampaikan kematian. Gong sebagai perkakasan yang menakut-nakutkan para semangat dan makhluk jahat. Sebagai menyokong bunyi gong tadi orang yang terdapat disekeliling pesakit akan memukul dinding rumah, tin dan objek-objek lain yang mengeluarkan bunyi.

Pokok tapai

Tapai ialah minuman tradisi dan salah satu hidangan yang wajib disediakan kepada tetamu yang datang ke rumah masyarakat Murut Paluan. Minuman tradisional tapai juga digunakan semasa menjalankan pengubatan *ambiak* dan diberi nama khas sebagai tanda iaitu *pamangkatan* dan *paguakan*. Etnik Murut di Sabah menggunakan *usuk* (strew) yang perbuat daripada buluh kecil untuk menyedut air di dalam tapai dalam tempayan.



Sumber: Internet Blog Spirits of the Harvest <http://www.spiritsoftheharvest.com>.

Gambar 17. Tapai minuman tradisional yang diminum oleh etnik Kadazan Dusun Murut di Sabah

Ketika pengubatan *ambiak* dijalankan sebelum tutup *ambiak*. Dalam pengubatan ini terdapat dua jenis tapai yang telah dikhaskan kepada semangat yang datang, *babalian* dan tetamu yang datang. Setiap peringkat mencucuk usuk mempunyai maksud yang tersendiri. Peringkat mencucuk usuk adalah seperti berikut:

1. Tetamu mencucuk sedikit usuk ke dalam tapai. Pada fasa ini tapai dikhaskan untuk diminum oleh semangat yang baik agar dapat membantu perjalanan pengubatan *ambiak*. Mereka dianggap sebagai tetamu yang istimewa yang datang untuk membantu para *Babalian*. (Informan Kalabon Mike, 2016).
2. Peringkat kedua adalah dikhaskan kepada *Babalian* dan orang biasa *usuk* perlulah dicucuk separuh sahaja dan tidak sampai ke dasar tempayan tapai. Setelah berakhirnya upacara *ambiak* barulah *usuk* boleh dicucuk hingga ke dasar tempayan (Kalabon Mike, 2016). Jika usuk dicucuk sehingga ke dasar bikar tapai maka pengubatan *ambiak* besar kemungkinan telah gagal disempurnakan kerana pantang ini telah dilanggar. Semasa meminum tapai ini juga *Babalian* yang sedang minum tidak boleh dihidangkan *kana* (sup atau lauk).

Pengarisan

Tapai yang dikhaskan untuk menimbulkan penyakit pesakit. Tapai ini tidak boleh diletakkan garisan jika pesakit yang diubati adalah tidak gila. Jika tapai ini ditandakan dengan garisan ini menunjukkan para *Babalian* sedang melakukan pengubatan terhadap pesakit yang tidak siaman atau gila. Tapai ini boleh diminum pada bila-bila masa namun tidak dihidkan kuantiti yang hendak diminum kerana tidak mempunyai tanda garisan.

Kostum

Babalian akan mengenakan pakaian berwarna merah sebagai tanda mereka sedang melakukan upacara ritual *Ambiak*. Kesemua *Babalian* memakai pakaian merah dan meletakkan kain merah di atas kepala serta bunga-bunga berwarna sebagai cara untuk menarik perhatian roh pesakit dan semangat yang hendak dipanggil (lihat gambar 18). Selain itu, sebagai mengenalkan identiti masyarakat Murut Paluan sesetengah *Babalian* akan memakai beberapa barang perhiasan berupa manik yang disulam beberapa corak tertentu sebagai salah satu alat perhiasan diri masyarakat Murut Paluan.

Pada hari kedua barulah para *Babalian* akan mengenakan baju tradisional yang dipanggil sebagai *sulayau* yang disulam menggunakan benang kait menggunakan peralatan tertentu. Pakaian ini perlu dipakai dengan *tinantis* (rantai leher) dan barang perhiasan leher yang lain. Proses pembuatan baju ini adalah sangat rumit dan mengambil masa yang panjang. Baju ini juga digunakan semasa majlis perkahwinan dan perayaan tertentu.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 18. Kostum yang dikenakan oleh *Babalian* berwarna merah sebagai cara untuk menarik perhatian semangat dan memudahkan rawatan *ambiak*

Institusi *Babalian*

Kewujudan institusi *Babalian* merupakan perkara asas kepada kelangsungan pengubatan *ambiak*. *Babalian* menjadi peneraju dan nadi utama pengubatan *ambiak*. Winstedt (1924), memberi gambaran bahawa bomoh atau pawang mempunyai kedudukan yang dihormati kerana kebolehan mereka untuk melakukan ritual membuka kawasan untuk pertanian dan petempatan. Perkataan yang digunakan dalam kalangan orang Melayu yang mengamalkan ilmu magis (*magic*). Namun orang Melayu menggunakan panggilan ini untuk lelaki yang mengamalkan ilmu magis. Menurut Krik Michael Endicott (1987) dalam buku *An Analysis of Malay Magic* menyatakan “...Usually the words are treated as interchangeable, though one may be more favoured in a particular region. Sometimes, however the distinction signals a division between the curer, call the bomoh and others partacititioners of the magical arts”. Oleh itu, dalam kalangan masyarakat Melayu terdapat dua istilah dan bidang yang mengamalkan magis. Pertama, bomoh yang cenderung kepada amalan pengubatan dan kedua, pawang yang terlibat dalam acara magis di lapangan.

Peranan *Babalian* dalam masyarakat Murut Paluan adalah sangat penting sebagai penentu kepada adat dan pantang larang yang perlu dipatuhi untuk menjaga keselamatan dan keharmonian kawasan yang diduduki masyarakat sub etnik Murut Paluan (Jacquelina Karimon, 2023). Kedudukan *Babalian* yang terpisah-pisah jauh daripada perkampungan yang berbeza telah menyebabkan masyarakat di setiap kampung tersebut masih mendapatkan khidmat seorang *Babalian*. Oleh itu, walaupun jarak di antara *babalian* terpisah namun mereka tetap menjadi identiti terhadap kepercayaan masyarakat di tempat tersebut. Institusi ini dapat menegaskan kepercayaan mereka dengan berpegang dan mengamalkan kepercayaan lama. Melalui hubungan sosial dengan masyarakat biasa mereka masih diperlukan untuk menyelesaikan beberapa perkara yang berkaitan dengan kepercayaan, penyakit dan alam gahib. Ini termasuklah ketika memandikan orang sakit, mengadakan rawatan dan melihat keadaan sesuatu kawasan sebelum dibuka.

Penerimaan masyarakat terhadap institusi *Babalian* yang masih wujud di sekitar masyarakat Murut Paluan masih diterima pakai. Walaupun masyarakat Murut Paluan di Kampung ini telah mengamalkan pegangan agama baru namun mereka masih dikawal oleh hukum adat. Pegangan agama yang diamalkan secara sederhana menjadi ruang kepada kekalnya kepercayaan

warisan. Kepercayaan ini masih hidup dan mempunyai fungsi-fungsi pantang larang dan adat dalam masyarakat tersebut. Justeru, kepercayaan tersebut memang tidak dapat dinafikan mempunyai perkaitan dengan institusi *babalian* sebagai seorang yang pakar terhadap alam sekitar dan membuat pantang larang. Institusi *babalian* yang masih wujud telah menyebabkan adanya pengamal dan masyarakat secara tidak langsung masih bersandarkan kepada kepercayaan pengubatan *ambiak* sebagai medium penyembuhan daripada penyakit.

Institusi *babalian* adalah sebagai tapak tradisi yang masih berfungsi dan masih diterima kewajaranya sebagai pengubatan alternatif dalam komuniti masyarakat sekitarnya. Tapak tradisi yang mempunyai kepentingan adalah penting sebagai alat untuk melayani keperluan manusia yang hidup dalam lingkungannya. Peranan *babalian* yang menyembuhkan penyakit secara ritual menonjolkan sebahagian kepercayaan warisan kepada golongan masa kini. Mereka menjadi ikon budaya yang sangat penting terutama apabila mengadakan upacara pengubatan ritual. Bukti proses ini penting kerana menjadi satu perkara yang dapat diketengahkan kepada pengkaji-pengkaji luar dan golongan muda untuk melihat aspek ritual menjadi ciptaan pesembahan baru bagi pengekalan jati diri. Tinggalan budaya lama ini sekurang-kurangnya masih mampu disaksikan oleh generasi pada masa kini sebagai pengukuhan terhadap sistem pantang larang dan adat yang masih diamalkan yang tidak melanggar kepercayaan dan pegangan baru manusia. Cerminan kepercayaan ini menimbulkan nilai yang masih kukuh misalnya nilai kemanusiaan, nilai kesucian dan nilai kesyukuran di mana *Babalian* membantu para pesakit untuk disembuhkan dengan cara yang baik. Sistem nilai ini telah menjadi suatu bentuk penghubung dengan masyarakat walaupun menghadapi ujian masa dan perubahan penerimaan budaya.

Institusi *Babalian* juga merupakan bukti penting untuk mengesan dengan jelas hidupnya sebuah upacara ritual pada abad ke-21, walaupun permodenan dan pertembungan ilmu sains dan teknologi telah membawa pembaruan baru terhadap kehidupan Masyarakat Murut Paluan. Institusi *Babalian* bertanggungjawab untuk menyebarkan dan mengamalkan pengubatan *ambiak* terutama apabila diperlukan oleh masyarakat setempat.



Sumber: Karimon, 2016

Gambar 19. Sebahagian barisan *Babalian* dan beberapa pelajar *Babalian*

Pendapat dan nasihat *Babalian* mengenai penyakit spiritual dan kebatinan hakikatnya masih diperlukan oleh masyarakat yang masih memegang teguh adat dan kepercayaan mereka.

Sebagai masyarakat yang masih banyak mengamalkan amalan tradisi seperti perkhwinan dan kematian sudah tentunya amalan pengubatan mereka juga mempunyai taraf yang sama penting untuk diamalkan. Tugas utama yang perlu dilakukan *Babalian* dalam masyarakat adalah menjalankan tanggungjawab sebagai pelindung dan penyembuh terhadap komunitinya yang sakit. Mereka juga menjadi pelindung kepada pesakit daripada sebarang gangguan yang boleh memudaratkan kesihatan dan keselamatan. Selain itu, seorang *Babalian* yang diiktiraf sebagai seorang *Babalian* juga perlu menunjukkan kebolehan dan kepakaran mereka dalam menyembuhkan pelbagai jenis penyakit.

Selain itu, institusi *Babalian* berkumpul menjadi perkara penting yang telah menghidupkan pengubatan *ambiak*. Organisasi ini telah menggalakkan kerjasama dalam kelompok setempat dan bermasyarakat. Masyarakat Murut Paluan yang mementingkan ikatan persaudaraan dan kekeluargaan menjadi faktor penting untuk mengekalkan engubatan ini. Pengubatan *ambiak* yang dijalankan adalah dilakukan secara bersama dengan peranan pelbagai pihak tuan rumah dan ahli kampung. Pengubatan *ambiak* yang dijalankan memerlukan beberapa individu dalam kampung tersebut untuk melaksanakannya seperti terdapat keluarga yang akan ditugaskan untuk mencari bahan-bahan atau peralatan pengubatan. Beberapa keluarga akan menolong keluarga lain memasak dan menyediakan makanan untuk para *babalian* dan tetamu yang sentiasa datang berkunjung. Kecuali selepas upacara dijalankan selama dua hari. Adat menyediakan minuman tradisi kepada tetamu dalam masyarakat Murut sudah semestinya ada disediakan dan beberapa orang akan berjaga untuk menyediakan *kana* (sayur tapai) untuk para tetamu.

Amalan bergotong-royong yang terpancar dalam masyarakat Murut Paluan mempunyai hubungan dengan kerjasama yang dilakukan oleh kumpulan *Babalian*. Sistem berkumpul pengubatan *ambiak* ini mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan bermasyarakat dan terus dikekalkan. Institusi *Babalian* masih wujud dan hidup dalam kalangan Murut Paluan di Sabah. Mengikut pemerhatian semasa kajian dijalankan, seorang *Babalian* mempunyai keperibadian yang mesra, lemah lembut dan mudah menerima. Mereka mudah untuk mengajar dan memberi ilmu yang mereka ada sesuai dengan keadaan dan keperluan. Menurut *Babalian* Aru Ganiem (2016) Kumpulan *Babalian* sentiasa mempunyai pengikut yang ingin belajar namun tidak mudah kerana memerlukan kesabaran dan ketabahan yang tinggi. Walaupun proses menjadi seorang *babalian* adalah berat dan susah serta mengambil masa yang lama namun kumpulan *Babalian* akan sentiasa mengajar dan melatih individu yang ingin menjadi seorang *babalian*. Berdasarkan kajian kes semasa upacara *ambiak* dijalankan masih terdapat individu yang dalam proses belajar mengendalikan pengubatan *ambiak* dan mengikuti ketua *babalian* melaksanakan upacara tersebut serta menghafal setiap teks suci yang diucapkan. Mereka berperanan untuk menyediakan peralatan sebelum upacara ritual bermula dan membantu *Babalian* yang berpengalaman dalam beberapa perkara. Dengan cara ini proses kesinambungan mencari pewaris untuk mengekalkan institusi *babalian* akan terjamin. *Babalian* yang mengajar bertanggungjawab memastikan barisan pengikutnya mempunyai sikap kepimpinan yang tinggi dan bakat mengubat. Setiap pengikut dan pelatih yang dipilih biasanya mempunyai kebolehan, bakat dan bijak kerana ini merupakan ciri yang diutamakan menjadi seorang *babalian* yang baik.

Babalian Ganiem (2016) menjelaskan amalan membawa “orang baru” setiap kali mengadakan pengubatan *Ambiak* memang akan sentiasa ada kerana akan ada individu yang berminat untuk mendalaminya terutama mereka yang telah mendapat tanda akan menjadi seorang *babalian*. Hal demikian pada akhirnya akan sentiasa menghidupkan institusi *babalian* dan pengubatan *ambiak* walaupun telah melalui perkembangan ilmu agama dan teknologi. Namun ada

cara lain menjadi seorang *babalian* iaitu tanpa penglibatan seseorang di mana-mana upacara pengubatan tetapi seseorang itu dipilih oleh semangat *Aru Tawol* untuk menjadi seorang *babalian*. Mereka yang mempunyai latar belakang keluarga yang mempunyai keturunan *babalian* berkemungkinan akan mewarisi pengubatan tradisional tersebut. Proses menjadi *babalian* adalah tidak terhad kepada umur, mereka yang menjadi seorang *babalian* adalah mereka yang terpilih walaupun telah lama belajar belum tentu seseorang itu akan menjadi *babalian*. Seorang remaja pun boleh menjadi seorang *babalian* dan akan melalui masa yang panjang untuk memantapkan diri. Mereka selalunya akan pengsan dan sakit terlebih dahulu sebelum semangat tertentu ingin memakai mereka menjadi seorang *babalian* yang bertanggungjawab menyembuhkan orang sakit. Terdapat remaja dan wanita pertengahan umur yang telah pandai melakukan rawatan *ambutus* dalam kalangan masyarakat Murut Paluan. Mereka tidak mempunyai latar keluarga yang pandai mengubat tetapi mereka dipilih untuk meneruskan rawatan ini (Mike, 2016).

Kesimpulan

Objek budaya yang digunakan memberikan ilustrasi terhadap impliksinya dan kepentingannya dalam proses pengubatan *ambiak*. Semua objek budaya yang digunakan adalah untuk menghantar mesej kepada alam ghaib bahawa ritual sedang dijalankan dan setiap para semangat harus bersedia dan mengambil bahagian dalam upacara tersebut. Semua peralatan ini juga dilihat mempunyai fungsi untuk mempercepatkan interaksi tersebut dan sebagai elemen untuk memberikan kesan terhadap perjalanan ritual *ambiak*. Proses *ambiak* menyatukan alam ghaib dengan alam nyata, penyatuan dalam ritual ini bermaksud proses rundingan dan kerjasama sedang berjalan untuk memulihkan penyakit manusia, menyucikan diri serta mendapatkan kesejahteraan hidup. Ringkasnya, setiap peralatan yang digunakan bukanlah semata-mata sebagai prop yang dibawa para *babalian* sebagai perhiasan tetapi merupakan objek budaya yang menyokong upacara ritual tersebut.

Setiap objek budaya dipercayai adalah bersifat sakral dan penting untuk membantu proses *ambiak*. Objek budaya ini semakin sukar ditemui kerana proses pembangunan yang semakin rancak. Pokok kakat dan damar misalnya tidak dapat dijumpai di kawasan hutan biasa tetapi perlu dicari di kawasan hutan tebal. Beberapa cabaran yang ditemui semasa proses penyediaan objek budaya *ambiak* tersebut kerana semakin berkurangan. Pencari yang ditugaskan untuk mencari peralatan tersebut adalah telah dipilih dan merupakan seorang yang arif dan berusia kerana akan mempengaruhi mutu dan kesesuaian berat dan panjang prop yang akan digunakan oleh para *babalian*. Objek budaya dalam pengubatan *ambiak* yang terlalu panjang dan berat akan menyukarkan *babalian* melakukan upacara dengan sempurna. Objek budaya yang sempurna dapat melancarkan perjalanan ritual dan memberikan kesan yang baik terhadap pesakit yang diubati. Pengalaman dan pengetahuan seorang *Babalian* juga menjadi perkara penting untuk mengekalkan pengetahuan *ambiak*. Pengekalan institusi *babalian* juga merupakan salah satu penyebab kepada kelangsungan tradisi dan kepercayaan pengubatan *ambiak*.

Rujukan

- Ab. Rahman, H. A. (1980.) Perubatan tradisional tercabar. *Dewan Budaya*, 2(5), 4-5.
- Annandale, N., & Robinson, H. C. (1903). *Fasciculi Malayenses: Anthropological and Zoological Result of an Expedition to Perak and Siames Malay States: Anthropology Part I*. The University Press of Liverpool.
- Appell, G. C. (1976). *The Society of Borneo: Explorations in the Theory of Cognatic Social Structure*. American Anthropological Association.
- Cuisinier, J. (1936). *Danses. Magiques de Kelantan*. Instiut De'Ethnologie.
- Deenerwan, M. (2014). *Bobolian Seni Teater Etnik Dusun*. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Endicott, K. M. (1987). *An Analysis of Malay Magic*. Singapore, Oxford University Press.
- Ganiam, L. (2015). Pengubatan *ambiak* dan kaedah pengubatan, Sabah. Temu bual, 26 Januari.
- Ganiam, T. (2018). Babalian dan pengubatan *ambiak* di Sabah. Temu bual, 26 Mac.
- Hanafi, H. (2003). Bobohizan dan peranannya di kalangan masyarakat Kadazan daerah Penampang di Sabah. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 8, 15-40.
- Hanafi, H. (2006). Seni persembahan sebagai perkakasan ritual perubatan: Paluan gandang dan tarian Sumazau dalam ritual monogit oleh Kadazan Penampang di Sabah. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, 11, 1-10.
- Ibrahim, I. (2007). *Warisan Motif dan Corak Etnik*. Universiti Malaysia Sabah.
- Karimon, J. (2023). Tradisi Lisan Peneguh Nilai Peribumi. In A. Aziz Deraman, K. Rosli, Matari, Hashim, S. A. & M. I. F. Hussin (Eds.). *Prosiding Kolokium Antarabangsa Peradaban Wilayah Timur Laut 2023: Wibawa Sosiobudaya, Ekonomi dan Pelancongan Wilayah Timur*. Universiti Fatoni, Pattani.
- Karimon, J., & Mohd Radzi, S. B. (2020). Mitos asal-usul: Aki Kinapuno pentadbir agung Murut Paluan. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 3(2), 64-76.
- Karimon, J., & Mohd Radzi, S. B. (2021). Merungkai rahsia mistik kehidupan etnik Murut Paluan dalam mitos tumbuhan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 81-96.
- Karimon, J., & Mohd Radzi, S. B. (2021a). Merungkai rahsia mistik kehidupan etnik Murut Paluan dalam mitos tumbuhan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 81 – 96.
- Karimon, J., & Mohd Radzi, S. B. (2021b). Mitos asal-usul kosmologi Murut Paluan dan Kadazandusun: Satu perbandingan. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 7(1), 16-36.
- Kitingan, J. (2012). *Dusun (Borneon People)*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Lee, Y. F., & Rajendran, K. (2007). Ritual harian penganut Hindu. *Dewan Budaya*, 29(9), 41-43.
- Lev, R. (1999). Kepercayaan dan amalan dalam tarian sewang. *Dewan Budaya*, 4(8), 52.
- Levi-Strauss, C. (1997). *Look, Listen, Read*. Basic Books, The University of Virginia.
- Mariappal, K., & Porodong, P. (2012). *Murut dan Pelbagai Etnik Kecil di Sabah*. Universiti Malaysia Sabah.
- Masrin, M. (2011). *Persembahan Baturun: Satu Kajian Kes Suku Bisaya di Daerah Beaufort Sabah* [Degree thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Mike, K. (2016). Kaedah pengubatan *ambiak* di Sabah. Temu bual, 25 Januari.
- Owen, R. (1929). *The Pagans of North Borneo*. Oxford University Press.
- Pollard, F. H. (1935). The Muruts of Sarawak. *Sarawak Museum Journal*, 4(2), 139-155.

- Prentice, I. (1972). Notes on place names and personal names in the song-language of the Timugon Murut. *Sabah Society Journal*, 5(4), 371-376.
- Rutter, O. (1922). *British North Borneo: In Account of its History, Resources and Native Tribes*. Constable and Company.
- Salleh, M. S., & Abdullah, N. A. V. (2022). Amalan angkikiat masyarakat Murut Paluan di Sabah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 18(2), 75-89.
- Skeat, W. W. (1900). *Malay Magic* (1st ed). Macmillan and Co.
- Wilkinson, R. J. (1901). *A Malay-English dictionary*. Singapore, Kelly and Walsh.
- Winstedt, R. O. (1924). Keramat: Secred places and person in Malaya. *Journey of the Malayan British Royal Asiatic Society*, 2, 265-279.
- Woolley, G. C. (1936). Some Murut hunting customs. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 14(126), 307-313.
- Woolley, G. C. (1937). Murut coustom: Human scrifice and slavery amongst the Nabai Tribe, Keningau. *The British North Borneo Herald*. 2 November.